



Radzali (dua dari kiri), Alexander (tengah) dan Ming Kit (dua dari kanan) pada majlis MoU antara MFA dan Shopee di Kuala Lumpur baru-baru ini.

MFA, Shopee promosi produk francais tempatan

PERSATUAN Francais Malaysia (MFA) bekerjasama dengan platform e-dagang Shopee untuk mempromosikan produk francais tempatan di samping membantu penggiat industri berkenaan menghadapi cabaran perniagaan akibat penularan wabak Covid-19.

Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan berkata, kerjasama itu memberi peluang kepada penggiat francais membuka kedai rasmi di Shopee dan mempromosikan baucar pembelian atau produk mereka secara dalam talian.

“Sekiranya francais mengadakan promosi di Shopee, pembeli juga berpeluang menikmati penjimatan yang besar apabila melakukan pembelian,” katanya pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di ibu kota baru-baru ini.

MoU yang dimeterai oleh Radzali dan Ketua Kluster Barangan Pengguna Bergerak Pantas

Shopee Malaysia, Tan Ming Kit itu disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi.

Radzali berkata, antara sebab utama Shopee dipilih sebagai rakan strategik MFA adalah untuk menggunakan rangkaian platform e-dagang berkenaan bagi mempromosikan francais di luar negara seperti Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand.

Sementara itu, Ming Kit berkata, Shopee melancarkan pelbagai langkah bagi membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) tempatan untuk pulih daripada impak Covid-19.

“Pada bulan April, kami melancarkan Pakej Bantuan Peniaga Shopee bernilai RM15 juta untuk membantu MSME Malaysia yang berada dalam talian dan memastikan mereka mencapai prestasi yang baik di Shopee,” katanya.